

Optimum bakat anak

■ Kenal pasti seawal mungkin untuk serlah potensi maksimum

Serdang

Bakat kanak-kanak perlu dikenal pasti seawal mungkin dan diglap secara berterusan supaya dapat menyerlahkan potensi mereka secara optimum, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata, peranan ibu bapa dan guru begitu



ROSMAH melihat buku biografi 'Prabu the Little MGR' di UPM Serdang, semalam.

penting dengan memberi galakan dan sokongan tidak berbelah bahagi agar kanak-kanak mencapai impian

an dan cita-cita mereka.

"Bakat ini ibarat benih. Benih yang apabila disemai di tanah yang subur dan dijaga

dengan rapi akan tumbuh mekar dan mewangi serta memberi manfaat kepada mereka di sekelilingnya.

"Sehubungan itu, bakat yang ada pada setiap anak harus dikenal pasti seawal mungkin. Bakat yang disertai dengan minat menjadi gandingan mantap supaya cita-cita ke arah kecemerlangan dapat disempurnakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan album solo 'Impianku' dan buku biografi 'Prabu the Little MGR', kanak-kanak berusia 10 tahun S Prabu anjuran Pertubuhan Perkembangan Intelek Malaysia, di sini, semalam.

Rosmah berkata, kajian membuktikan pendedahan kepada muzik mendatangkan pelbagai manfaat terhadap perkembangan minda kanak-kanak termasuk meningkatkan keupayaan berbahasa, mendengar, ingatan dan cara berfikir. - BERNAMA

FAKTA

Ibu bapa, guru perlu beri galakan, sokongan kepada kanak-kanak